



**SIARAN MEDIA**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)**  
**AKTIVITI KEAGAMAAN SEMASA PKP 3.0 FASA PERTAMA**  
**DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, telah disembah maklum tatacara dan panduan mengadakan aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial dalam tempoh sekatan pergerakan penuh yang berkuat kuasa 1 Jun 2021. Setelah mengambil maklum sembah nasihat dari Jabatan Kesihatan Negeri (KKM) dan Majlis Keselamatan (MKN) Negeri Perak, serta berlandaskan sembah nasihat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, dengan ini baginda menzahirkan titah perkenan **berkuat kuasa mulai Solat Subuh, Selasa 1 Jun 2021:**

1. Solat Jumaat

Dibenarkan didirikan di masjid dan surau diri Jumaat sahaja. Bilangan jemaah terbatas kepada 12 orang (termasuk imam) daripada kalangan pegawai masjid/surau diri Jumaat dan jawatankuasa kariah.

2. Solat Fardu

Dibenarkan di masjid dan surau, maksimum 12 orang jemaah (termasuk imam) daripada kalangan pegawai masjid/surau dan jawatankuasa kariah.

3. Solat Jenazah

3.1. Tempat mengadakan solat bagi jenazah yang meninggal dunia di hospital, hendaklah berpandukan nasihat pihak hospital atau pegawai kesihatan.

3.2. Tempat mengadakan solat bagi jenazah yang meninggal dunia di rumah, tertakluk kepada pilihan ahli keluarga sama ada diadakan di rumah, surau atau masjid.

Bilangan jemaah mendirikan solat jenazah, maksimum 12 orang (termasuk imam).

4. Program Pengimarah di Masjid dan Surau:  
Ditangguhkan di semua premis masjid dan surau.
  
5. Aktiviti Pengurusan Masjid dan Surau:  
Dilaksanakan secara maya /talian.

Baginda menzahirkan ingatan agar rakyat memahami tahap keseriusan penularan wabak dan turut mengambil tanggungjawab membantu usaha untuk memutuskan rangkaian jangkitan; serta menyeru rakyat menunjukkan simpati kepada para petugas barisan hadapan, yang berada dalam keletihan, terutama para petugas perubatan dan kesihatan, dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

Dikeluarkan dengan menjunjung titah perkenan  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan



Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini  
Yang Dipertua  
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

19 Syawal 1442 / 31 Mei 2021